

Pas akan hantar memorandum negara Islam kepada Dr. M

UM 17 OCT 2001

Oleh WAN ZULKIFLI
WAN YAACOB

DUNGUN 16 Okt. — Pas akan menghantar memorandum lengkap kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menjelaskan bentuk dan ciri negara Islam yang dimaksudkan oleh parti itu.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, memorandum itu sedang disiapkan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor.

Beliau yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, sekiranya penjelasan itu dapat diterima oleh Perdana Menteri dan Barisan Nasional (BN), Pas akan memberi sokongan padu ke arah menjayakannya.

“Anggota jawatankuasa itu terdiri daripada kalangan pimpinan Pas, para profesional dan ahli akademik. Bagaimanapun saya dan Menteri Besar Kelantan tidak terlibat kerana kesibukan tugas,” ujarnya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri yang mahukan Pas mengumumkan bentuk dan ciri negara Islam yang dikehendakinya.

Beliau menambah, memorandum itu akan cuba disiapkan secepat mungkin kerana ia bukanlah suatu yang mengambil masa kerana bahan-bahan mengenai konsep negara Islam sudah banyak kedapatan.

Menurut beliau, ia kelak akan menunjukkan perbezaan negara Islam mengikut tafsiran Pas dan mengikut tafsiran kerajaan BN, sekali gus boleh membuka ruang untuk kajian dan perbincangan.

Ahad lalu, akhbar melaporkan Perdana Menteri sebagai berkata, UMNO masih menunggu jawapan daripada Pas mengenai pengertian negara Islam meskipun cabaran telah lama dibuat.

Sehubungan itu menurut Perdana Menteri, soal berdialog dengan Pas ketika ini hanyalah suatu yang sia-sia dan membuang masa.

Perisytiharan negara Islam

yang dibuat oleh Perdana Menteri pada 29 September lalu berasaskan pendapat ramai ulama zaman dahulu, disanggah oleh Pas dan Fadzil mahukan UMNO mengisytiharkan Malaysia negara Islam di Parlimen untuk dibahaskan.

“Negara Islam mestilah berlandaskan al-Quran dan sunah. Ada dua jenis nas iaitu pertama ‘qati’e’ (yang tak berubah) seperti sembahyang. Dalam konteks negara juga ada yang tak berubah, iaitu kepimpinan negara mestilah seorang Islam.

“Keduanya, hukum tertinggi dalam negara tidak boleh diatasi al-Quran dan sunah. Di sana ada juga dasar umum yang mengikut perkembangan semasa seperti menyentuh aspek pentadbiran, politik dan ekonomi.

“Kalau dalam sistem politik yang berkait dengan ahli-ahli mesyuarat kerajaan, di zaman dahulu ulama menguasai banyak kepakaran tetapi kini agak sukar dan perlu diwujudkan kumpulan secara kolektif dengan gabungan pakar-pakar,” ujar Abdul Hadi.

Ditanya mengenai kemungkinan penyerahan memorandum ini akan membuka ruang untuk berdialog dengan UMNO, beliau berkata:

“Kita akan sentiasa bersikap terbuka untuk perbincangan secara ilmiah dan kita juga akan terima pandangan yang betul. Jika diterima konsep pelaksanaan negara Islam yang kita kemukakan, kita wajib menyokong,” ujar beliau.

Ditanya sama ada pelaksanaan negara Islam mengikut tafsiran Pas memerlukan kepada pindaan perlembagaan, Abdul Hadi berpendapat apa yang penting ialah ‘roh’ perlembagaan itu.

Beliau sekali lagi mengambil contoh seperti kedudukan agama dalam perlembagaan sama ada ia berupa ‘ad-din’ atau agama dalam takrif Barat.

Katanya, beberapa jadual yang diperuntukkan kepada negeri seperti jadual sembilan Perlembagaan, bidang kuasa negeri terhadap penguatkuasaan hukuman adalah terhad dan ini perlu diubah.